

Pendekatan doa menurut *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah al-Fātiḥah*

[Approach to supplication according to *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah al-Fātiḥah*]

Zaidul Amin Suffian Ahmad* & Abdul Mukti Baharudin

Department of Al-Quran and Al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

* Corresponding Author: Zaidul Amin Suffian bin Ahmad. Department of Al-Quran and Al-Sunnah, Faculty of Islamic Civilization Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000, Kajang, Malaysia. E-Mail: zaidulamin@kuis.edu.my. Telp.: (+60) 172666952. ORCID iD: <https://orcid.org/my-orcid?orcid=0000-0002-3118-1313>

Keywords:

Prayer; Nik Abdul Aziz;
Interpretation; *al-Fātiḥah*;
Pattern of Quranic Tafsir.

ABSTRACT

Supplication serves as a bridge between people and Allah. Allah appreciates His obedient followers. Surah al-Fātiḥah is one of the ways Allah teaches people to pray. However, there are still Muslims who do not fully comprehend the proper method of prayer. Since Surah Al-Fātiḥah is one of the most frequently recited verses and Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat is a well-known scholar in Malaysia for disseminating knowledge on Islam, this study will concentrate on the prayer technique in Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz: Surah al-Fātiḥah. Data for the study were gathered through document analysis, and content analysis techniques were employed to examine it. This research revealed that Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat's primary point is that the recitation of supplications must be clear and understandable and that one should always ask for Allah's guidance.

Kata Kunci:

Doa; Nik Abdul Aziz;
Tafsir; *Surah al-Fātiḥah*;
Corak Pentafsiran.

ABSTRAK

Doa merupakan ibadat dan wasilah yang menghubungkan manusia dengan Allah SWT. Allah SWT amat mencintai hamba-hamba-Nya yang sentiasa berdoa. Antara bentuk doa yang diajarkan oleh Allah SWT adalah melalui surah *al-Fātiḥah*. Namun demikian masih terdapat di kalangan masyarakat Islam yang tidak memahami hakikat doa yang sebenarnya. Kajian ini akan memfokuskan kepada pendekatan doa dalam *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz: Surah Al-Fātiḥah* kerana surah ini sentiasa diulang-ulang bacaannya dan Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat merupakan seorang ulama terkenal di Malaysia dalam menyampaikan ilmu berkaitan agama Islam. Kajian ini menggunakan analisis dokumen sebagai kaedah pengumpulan data dan dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil penelitian mendapati isu utama yang diketengahkan oleh Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat adalah bacaan doa mestilah jelas dan difahami maknanya, dan sentiasa meminta hidayah Allah SWT.

How to Cite:

Ahmad, Z. A. S., & Baharudin, A. M. (2022). Pendekatan doa menurut Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah al-Fātiḥah. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 7(2), 937-948. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v7i2.341>

1. Pendahuluan

Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (TGNA) merupakan salah seorang ulama yang terkenal di peringkat Nusantara dan antarabangsa. Beliau sering menyampaikan kuliah-kuliah agama walaupun ketika menjawat jawatan Menteri Besar Kelantan. Kemahiran beliau dalam pelbagai bidang ilmu agama, seperti tafsir al-Quran, hadis, akidah, fikah, akhlak, tasawuf, tarbiah, dakwah dan bahasa Arab telah ditonjolkan ketika beliau menyampaikan kuliah dan ceramah. Antara kuliah beliau yang sering mendapat perhatian masyarakat adalah kuliah tafsir al-Quran yang diadakan pada setiap hari Jumaat. Sejak tahun 1996 hingga 2020 telah wujud beberapa penerbit yang membukukan rakaman kuliah tafsir TGNA berdasarkan surah-surah tertentu. Dimulai oleh Maahad Al-Dakwah Wa Al-Imamah, As-Syabab Media, Institut Pemikiran Tok Guru Dato' Bentara Setia dan Pertubuhan Alim Rabbani (Abdullah & Salleh, 2021).

Di dalam makalah ini, pengkaji akan mengkaji pendekatan doa dalam *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz: Surah Al-Fātiḥah* kerana tertarik dengan corak penulisan tafsir ini yang telah ditranskripsi dari rakaman suara ceramah TGNA dan diterbitkan oleh Pertubuhan Alim Rabbani pada tahun 2019 dan diulang cetak pada 2020. Walaupun kajian tentang metodologi pentafsiran TGNA telah dilakukan oleh banyak pihak, namun kajian ini memfokuskan kepada pendekatan doa menurut pentafsiran beliau. Pengkaji telah memilih surah *al-Fātiḥah* sebagai fokus kajian, kerana ia merupakan surah yang menjadi bacaan wajib dalam solat dan sentiasa diulang-ulang bacaannya. Bahkan ia juga dikenali sebagai *Surah al-Du'ā'*. Justeru, diharapkan kajian ini dapat memberikan kefahaman yang lebih jelas tentang isi kandungan surah *al-Fātiḥah* menerusi pentafsiran ulama tafsir Melayu yang lebih memahami suasana dan realiti masyarakat setempat. Di samping itu, kajian ini diharapkan menjadi perintis kepada kajian-kajian yang lebih mendalam tentang konsep doa menurut perspektif al-Quran.

2. Biodata Ringkas Tuan Guru Nik Abdul Aziz

Nama penuh beliau adalah Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, mesra dengan panggilan Tok Guru Nik Aziz (Ramli, 2015). Gelaran 'Tok Guru' dinisbahkan oleh masyarakat Islam Melayu di negeri Kelantan kerana ketinggian ilmu agamanya dan sering menyampaikan kuliah (Salleh, 2011). Ketokohan beliau secara tidak langsung telah menjadikannya seorang dalam bidang agama, politik dan pentadbiran kerajaan.

TGNA dilahirkan pada hari Sabtu, 10 Januari 1931 di Kampung Pulau Melaka, Kota Bharu, Kelantan. Merupakan anak kedua dari sembilan adik beradik hasil perkongsian hidup Tuan Guru Haji Nik Mat bin Raja Banjar dengan isteri pertamanya, Cik Aminah binti Majid. Tuan Guru Nik Mat mempunyai empat orang isteri dan 27 orang anak (Shamsul Kamar, Mohamad & Nizam, 2019). Pendidikan awal TGNA bermula dari ayahnya sendiri yang dikenali dengan panggilan "Tok Nik Mat Alim" kerana ketinggian ilmunya dan keberaniannya menegak kebenaran (Sulaiman, 1999).

TGNA memulakan persekolahan ketika berusia enam tahun di Sekolah Kebangsaan Kedai Lalat dan bertahan selama tiga bulan sahaja kerana sistem pembelajaran di sekolah tersebut tidak selari dengan jiwanya. Beliau kemudiannya ditempatkan di sekolah pondok kelolaan Haji Muhamad Yusof bin Ahmad atau lebih dikenali dengan panggilan *Tok Kenali* di Kubang Kerian. Pada usia sembilan tahun, beliau meneruskan pengajian dengan Tuan Guru Haji Abbas Mohammad di Madrasah Ittifaqiyah, Besut, Terengganu (Yusof, 2019). Pengajian dihentikan seketika ketika berlakunya serangan Jepun dalam Perang Dunia Kedua dan TGNA berulang-alik ke Kampung Sirih untuk berguru dengan ulama hadis, Tok Khurasan yang berasal dari Bhafar, Pakistan. Pada masa yang sama TGNA turut mempelajari Fikah dari Tuan Guru Dato' Mufti Muhammad Nor bin Haji Ibrahim dan Nahu dari Tuan Guru Ali Pulau Pisang. Setelah peperangan tamat, TGNA kembali menyambung pengajian di Ittifaqiyah, Besut. Dari tahun 1945 hingga 1952, TGNA meneruskan pengajiannya di Jamek Merbawi Al-Ismaili, Kota Bharu (Ramli, 2015).

Pada tahun 1952, TGNA meninggalkan tanah air untuk melanjutkan pengajian ke Darul Ulum, Deoband, India dan berguru dengan seorang ahli hadis dan tarekat terkemuka bernama Maulana Husain Ahmad Al-Madani dan tamat pada 1957. Seterusnya, TGNA menyambung pengajian ke Lahore, Pakistan dalam bidang tafsir al-Quran selama empat bulan bersama salah seorang guru tafsir bernama Maulana Ahmad Ali (Ahmad, 2017). Pada 1958, TGNA berhijrah ke Mesir untuk meneruskan pengajian peringkat sarjana muda dalam bidang

Bahasa Arab di Kuliah Lughah, Universiti Al-Azhar dan berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab. TGNA melanjutkan pengajian di universiti yang sama pada peringkat sarjana dalam jurusan perundangan Islam dan kehakiman dan dalam tempoh dua tahun memperoleh Ijazah Sarjana Perundangan Islam dan Kehakiman (Abdullah & Salleh, 2021; Ramli, 2015; Yusof, 2019).

Sekembalinya TGNA ke tanah air pada Februari 1962, beliau terus menabur bakti sebagai guru di Sekolah Menengah Ugama Tarbiyah Mardhiah, Panchor dan Sekolah Menengah Ugama Darul Anuar, Kampung Pulau Melaka. Kemudian berkhidmat di Maahad Muhammadi, Kota Bharu, Kelantan pada 1964 (Ramli, 2015). Kerjaya politik TGNA bermula pada 1967 bersama Parti Islam Se-Malaysia (PAS) setelah bertanding dalam pilihan raya kecil Parlimen Kelantan Hilir dan menang dengan majoriti 3259. Beliau dilantik sebagai Menteri Besar Kelantan pada 23 Oktober 1990 dan menggalas jawatan tersebut selama 23 tahun dan bersara pada 2013. TGNA mengidap kanser prostat dan meninggal dunia pada 12 Februari 2015, jam 9.40 malam dalam rumahnya di Kampung Pulau Melaka, Kelantan (Yusof, 2019).

Terdapat banyak faktor yang menyumbang kepada ketokohan TGNA dalam bidang tafsir. Menurut Abdullah & Salleh (2021), pendidikan awal yang berteraskan pengajian al-Quran, ilmu-ilmu agama dan bahasa Arab, telah membentuk landasan ilmu yang subur dan jitu untuk TGNA. Pengajian ilmu-ilmu ini telah ditekuni oleh TGNA di beberapa buah tempat seperti di Pondok Tok Guru Haji Abbas, Besut, Darul Ulum, Deoband (Pengajian Hadis), Syiranwala Gate, Lahore, Pakistan (Pengajian Tafsir) dan Universiti Al-Azhar (Pengajian bahasa Arab, Perundangan dan Kehakiman Syar'i) telah banyak mempengaruhi pemikiran beliau (Abdullah & Salleh, 2021).

Sekembalinya dari Mesir pada tahun 1962, TGNA telah memulakan kuliah pengajian beliau dengan surah *al-Nās*, kemudian mentafsirkan surah-surah secara mengundur sehingga khatam pada 25 Oktober 2002. TGNA meneruskan kuliah tafsir buat kali kedua, juga bermula dengan surah *al-Nās* dan memilih ayat-ayat tertentu sehingga 2014 (Abdullah & Salleh, 2021). Walaupun TGNA pernah menuntut ilmu di pondok, tetapi TGNA tidak membuka pondok seperti guru-guru lulusan dari India ketika beliau pulang ke tanah air. Beliau mengajar di sekolah agama, madrasah dan masjid sahaja (Abdullah, 2011).

Keunikan TGNA dalam menafsirkan al-Quran telah menarik perhatian ramai sehingga boleh bertahan dalam tempoh jangka masa yang lama. Menurut Abdullah (2011), TGNA merupakan tokoh ulama lulusan India dan Mesir yang menarik perhatian ramai. Tafsiran guru-guru lulusan India dan Mesir adalah lebih luas dan mendalam serta tidak hanya terikat kepada sesebuah karya tafsir sahaja. Pendapat ini disokong oleh Abdullah & Salleh (2021) dengan menyatakan kehebatan hujah dan ulasan TGNA terhadap masalah-masalah agama dan isu-isu semasa terutamanya isu politik semasa, menjadikan tafsir TGNA lebih menarik dan berbeza daripada guru-guru tafsir yang lain.

3. Pengenalan Kitab *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Al-Fātiḥah*

TGNA terkenal kerana sering menyampaikan ceramah dan kuliah tafsir al-Quran di Kelantan. Pada peringkat awal, sebahagian besar kuliah-kuliah tafsir TGNA telah dirakam melalui kaset oleh orang persendirian dan pihak tertentu. Kemudian pihak Perhubungan PAS Kelantan mengambil inisiatif untuk merakam dalam bentuk video. Telah banyak kuliah tafsir TGNA yang telah dibukukan dan diterbitkan bermula dari tahun 1996 hingga 2020 (Abdullah & Salleh, 2021).

Kitab tafsir ini juga telah disusun dan ditulis berdasarkan rakaman kuliah tafsir TGNA pada 21 Julai 2000, 28 Julai 2000 dan 4 Ogos 2000. Penulis dan penyusun kitab ini, Ahmad Saifuddin Yusof dan Tengku Nurhusni Tengku Ab Razak telah mentranskripsi setiap perkataan yang diucapkan dengan mengekalkan sebutan dialek Kelantan bagi mengekalkan maksud penyampaian TGNA. Terjemahan atau maksud kepada dialek ini turut diletakkan oleh penulis agar difahami oleh semua pembaca di Malaysia khususnya. Penulis juga telah menyemak keberadaan perkataan-perkataan tersebut di dalam *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka* (DBP). Penerangan maksud perkataan juga diletakkan di ruangan nota kaki agar lebih difahami oleh pembaca (Yusof, 2019).

Bentuk penulisan dan penyusunan kitab tafsir yang hampir sama seperti ini pernah dilakukan pada kitab *Tafsir Al-Manār*. Bermula dari kuliah tafsir al-Quran yang disampaikan oleh Syekh Muḥammad 'Abduh di Universiti Al-Azhar, Mesir yang berlangsung dari tahun 1899 hingga beliau meninggal pada tahun 1905. Kuliah-kuliah tersebut selalu dihadiri oleh Rashīd Riḍā, murid Syekh Muḥammad 'Abduh yang sentiasa mencatat keterangan dan pentafsiran setiap ayat yang disampaikan oleh gurunya. Catatan-catatan tersebut kemudiannya disusun dalam bentuk tulisan yang teratur dan diserahkan kepada gurunya untuk disemak. Setelah mendapat persetujuan, tulisan tersebut diterbitkan dalam majalah *al-Manār*. Tulisan-tulisan tersebut kemudian dibukukan dan dikenal dengan nama *Tafsir Al-Manār* (Junaid & Nurfiqra, 2021; Riḍā, t.th.).

buru dan kena halau tetapi mereka tetap diakui oleh Allah sendiri... Orang-orang yang dapat nikmat Tuhan ini adalah golongan nabi-nabi, golongan şiddiqîn, shuhadâ' dan şalihîn. Empat jenis kategori manusia ini kalau kita baca sejarah hidup mereka, tidak ada seorang pun yang senang-lenang sebagaimana kita fikir. Tidak ada seorang pun yang duduk senang lenang yang serupa dengan kita rasa. Mereka semua melalui bermacam-macam jihad, bermacam-macam sabar, bermacam-macam tentangan dan bermacam-macam tekanan."

Di dalam kitab ini, terdapat dua tempat ayat ini ditafsirkan. Pertama pada muka surat 73 dan 74, kedua pada muka surat 84 hingga 87. Pentafsiran pertama dinyatakan secara ringkas sahaja kerana penulis dan penyusun kitab ini tidak menemui rakaman penuh kuliah tafsir ketika itu. Sementara pentafsiran kedua diletakkan di bawah tajuk *Ayat Ketujuh*. Setelah diteliti tidak ada perubahan dari segi metode pentafsiran TGNA yang mengekalkan al-Quran mentafsirkan al-Quran (Yusof, 2019).

ii. Tafsir al-Quran dengan hadis Nabi Muhammad SAW

Hasil penelitian mendapati TGNA telah menyebut dan mendatangkan lapan (8) buah hadis untuk dijadikan sokongan ketika mentafsirkan surah *al-Fātiḥah* ini. Hadis-hadis tersebut diriwayatkan oleh Imam al-Bukhārī, Muslim, al-Tirmidhī, Ibn Hibbān, Aḥmad dan Abū Dāwud. Pada kebiasaannya TGNA tidak menyebut nama perawi hadis (Abdullah & Salleh, 2021). Manakala matan hadis-hadis ini tidak dibaca sepenuhnya oleh TGNA tetapi potongan yang berkaitan sahaja bagi memudahkan pemahaman (Ramlie et al., 2022). Penulis dan penyusun kitab ini telah melengkapkan matan hadis, *mentakhrīj* serta menyatakan status hadis, kemudian dijadikan sebagai nota kaki bagi memudahkan pembaca mengetahui sumber rujukan hadis-hadis tersebut.

Sebagai contoh ketika mentafsirkan *إِيَّاكَ نَعْبُدُ*, TGNA mendatangkan potongan hadis bagi membuktikan bahawa orang yang sedang bersolat ini sedang berbicara secara langsung dengan Allah SWT. TGNA berkata (Yusof, 2019:51):

"Ini kena faham molek. Apabila kita bersembahyang ertinya, إِنَّ الْمُصَلِّيَ يُنَاجِي رَبَّهُ. Orang sembahyang ini adalah orang yang berbicara dengan Tuhan. Orang yang sedang berbisik dengan Tuhan."

Matan hadis ini telah dinyatakan pada nota kaki seperti berikut:

عن أنس بن مالك، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَى مُخَامَةً فِي الْقِبْلَةِ، فَشَقَّ ذَلِكَ عَلَيْهِ حَتَّى رُئِيَ فِي وَجْهِهِ، فَقَامَ فَحَكَهُ بِيَدِهِ، فَقَالَ: إِنَّ أَحَدَكُمْ إِذَا قَامَ فِي صَلَاتِهِ فَإِنَّهُ يُنَاجِي رَبَّهُ، أَوْ إِنَّ رَبَّهُ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقِبْلَةِ، فَلَا يَبْرَزَنَّ أَحَدُكُمْ قَبْلَ قِبْلَتِهِ، وَلَكِنْ عَنِ يَسَارِهِ أَوْ تَحْتَ قَدَمَيْهِ ثُمَّ أَخَذَ طَرَفَ رِدَائِهِ، فَبَصَّقَ فِيهِ ثُمَّ رَدَّ بَعْضَهُ عَلَى بَعْضٍ، فَقَالَ: أَوْ يَفْعَلُ هَكَذَا.

[al-Bukhārī, *Kitāb al-Ṣalāh, Bāb Ḥak al-buzāq bi al-yad min al-masjid*, No. Hadis 397]

Maksudnya:

Daripada Anas ibn Mālik bahawa Nabi SAW melihat kahak di dinding arah kiblat, lalu Baginda SAW berasa geram sehingga ternampak pada wajahnya. Kemudian Baginda SAW bangkit dan menggosoknya dengan tangannya lalu bersabda: "Sesungguhnya seseorang daripada kalian apabila berdiri pada solatnya, sesungguhnya dia sedang bermunajat dengan Tuhannya, atau sesungguhnya Tuhannya berada di antara dia dengan kiblat. Maka janganlah sekali-kali salah seorang daripada kamu meludah ke arah kiblatnya, tetapi dari arah kirinya atau di bawah kakinya." Kemudian Nabi SAW memegang tepi kain selendangnya dan meludah di kain itu, setelah itu Baginda SAW membalikkan posisi kainnya lalu bersabda, "Atau lakukan seperti ini"."

4.2 Al-Tafsīr bi al-Ra'y al-Mamdūh

al-Tafsīr bi al-Ra'y ialah tafsiran seorang pentafsir berpandukan ijtihadnya sendiri di samping mempunyai kemahiran dalam bahasa Arab, ilmu-ilmu al-Quran dan ilmu-ilmu alat yang diperlukan oleh seorang pentafsir (Abidū, 1991, Muṣṭafā, 1999; al-Dhahabī, 2012). Elemen ijtihad merupakan perkara terpenting dalam *al-Tafsīr bi al-Ra'y*. Para ulama menggunakannya kerana sumber-sumber *ma'thūr* (diwarisi daripada generasi terdahulu) daripada baginda Rasulullah SAW, para sahabat dan juga tabiin adalah terhad. Manakala sumbernya yang sahih pula tidak mentafsirkan kesemua ayat-ayat al-Quran, malah terdapat sumber-sumber *ma'thūr* yang bertaraf *dā'if*

(lemah), *mawdū'* (palsu), *munkar* (hadis yang diriwayatkan oleh perawi *dā'if* bertentangan dengan riwayat perawi yang *thiqah*) dan berdasarkan data-data yang diambil daripada Bani Israel (Abdullah, 2016).

Hasil penelitian mendapati TGNA turut mengaplikasikan metode *al-Tafsīr bi al-Ra'y al-Mamdūh* (tafsir yang terpuji). Menurut Abdullah & Salleh (2021), TGNA menolak kaedah pentafsiran al-Quran yang menggunakan pendapat yang tercela atau berlandaskan hawa nafsu. Berikut adalah sumber-sumber *al-Tafsīr bi al-Ra'y al-Mamdūh* TGNA:

i. Mengaplikasi kefahaman tatabahasa Arab

Terdapat beberapa kalimah dalam tafsir surah *Al-Fātiḥah* yang telah dijelaskan secara mendalam oleh TGNA dengan menggunakan kemahiran tatabahasa Arab. Antaranya pada permulaan surah *al-Fātiḥah* بِسْمِ اللَّهِ, TGNA telah menerangkan perbezaan dan sifat bagi *ism*, *fi'il* dan *ḥarf*. TGNA turut membawa pandangan ulama Nahu dengan berkata (Yusof, 2019:11):

“Alim ulama kita ataupun ahli-ahli bahasa kita yang orang panggil Nahwiyin (Ahli Nahu). Mereka tulis: *أبدأ بسم الله الرحمن الرحيم* ‘Saya mula dengan nama Allah’. Barulah perkataan ‘dengan’ itu dikira berguna kerana perkataan ‘dengan’ tidak boleh bersendirian, kecuali ia kena bertali dan bersangkutan dengan perkataan lain.”

Begitu juga ketika mentafsirkan ayat kelima dari surah *al-Fātiḥah*, TGNA menjelaskan mengapa dimulakan dengan *إِيَّاكَ*, *maf'ūl* mendahului *fi'il* (Yusof: 2019:49):

“Apabila kita bawa *maf'ūl* itu letak di depan daripada *fi'il* ini, ia memberi makna *ḥaṣr* (حصر). Kita susun bahasa dan letak *maf'ūl* di depan sekali, ia memberi makna *ḥaṣr* yang bermakna ‘tentu’. Maknanya, ‘Kepada-Mu sahaja, wahai Tuhan. Aku ‘tentukan’ untuk mengabdikan.’”

Perbincangan tatabahasa Arab ini sememangnya disentuh oleh kebanyakan ulama tafsir ketika mentafsirkan *basmalah* dan ayat yang kelima daripada surah *al-Fātiḥah*. Ini dapat dilihat pada *Tafsir al-Bayḍāwī*, *Tafsir al-Kashshāf* dan *Tafsir al-Nasafī* (al-Zamakhsharī, 1995; al-Bayḍāwī, 1999 & al-Nasafī, t.th.).

ii. Kemahiran terjemahan bahasa Arab

Ketika mentafsirkan ayat yang sama, iaitu ayat kelima dari Surah *al-Fātiḥah*, TGNA telah memberikan pandangan beliau tentang terjemahan *نَعْبُدُ*. Beliau secara jelas menyatakan ketidaksetujuan beliau diterjemahkan *نَعْبُدُ* dengan ‘menyembah’. Menurut beliau, terjemahan ‘menyembah’ ini turut diguna pakai dalam pemahaman masyarakat Melayu terhadap sembah agama-agama lain (Yusof, 2019, 53):

“Sokmo-sokmo (selalu) pun saya hendak sebut sekali lagi bahawa *نَعْبُدُ* ini saya tidak mahu terjemah kepada perkataan ‘menyembah’. *إِيَّاكَ نَعْبُدُ* Kepada-Mu sahaja kami hendak sembah. Saya tidak berapa suka guna perkataan ‘sembah’, kerana sembah dalam bahasa Melayu ini, ternampak-nampak dalam kepala kita yang kita sedang menyembah. Sembah apa? Orang sembah tokong ada cara dia. Orang sembah raja ada cara dia. Zaman Jepun dulu; sembah Jepun pun ada cara dia.”

Terdapat dua terjemahan yang diberikan oleh TGNA menggantikan terjemahan ‘menyembah’ pada *إِيَّاكَ نَعْبُدُ*. Pertama, “Kepada-Mu sahaja, kami berabdikan.” Kedua, “Kepada-Mu sahaja, wahai Tuhan, aku hendak jadi hamba.” Tujuannya adalah kerana TGNA tidak mahu masyarakat Islam hanya memfokuskan pengabdian diri hanya melalui sembah ketika solat sahaja dan melupakan tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT selepas solat selesai dilaksanakan (Yusof, 2019).

5. Corak Pentafsiran TGNA Nik Abdul Aziz

Terdapat pelbagai corak pentafsiran yang dikenali selama ini, antaranya corak sastera Arab, teologi, tasawuf (Shihab, 2007), tafsir *fiqhī*, *falsafī*, *ilmī*, *tarbawī akhlāqī*, *i'tiqādī*, *sūfī* dan terkini *al-Adab al-Ijtimā'ī* (Şalāh, 2003; Syukur, 2015). Hasil penelitian mendapati, corak pentafsiran TGNA adalah *al-Tafsīr al-Adab al-Ijtimā'ī* dengan menggunakan metode *al-Tafsīr bi al-Ma'thūr* dan *al-Tafsīr bi al-Ra'y al-Mamdūh*.

5.1 *Al-Tafsīr al-Adab al-Ijtimā'ī*

Menurut Shihab (2007) corak *al-Tafsīr al-Adab al-Ijtimā'ī* bermula pada masa Syeikh Muḥammad 'Abduh (1849-1905M) yang lebih tertumpu kepada corak sastera budaya kemasyarakatan. Ia menjelaskan petunjuk ayat-ayat al-Quran yang berkaitan langsung dengan kehidupan masyarakat, serta usaha-usaha untuk mengatasi masalah-masalah atau penyakit-penyakit mereka berdasarkan petunjuk dari ayat-ayat al-Quran, dengan dikemukakan dalam bahasa yang mudah difahami dan indah didengari.

Asas utama corak pentafsiran ini adalah memahami nas-nas al-Quran dengan cara mengemukakan ungkapan-ungkapan al-Quran dengan teliti, selanjutnya menjelaskan makna-makna yang dimaksudkan oleh al-Quran dengan gaya bahasa yang indah dan menarik. Kemudian pada langkah berikutnya, pentafsir berusaha menghubungkan nas al-Quran yang sedang dikaji dengan kenyataan sosial dan sistem budaya yang ada (al-Dhahabī, 2012). Corak pentafsiran sebegini boleh didapati dalam *Tafsīr Al-Quran Nik Abdul Aziz: Surah al-Fātiḥah*. Antara pendekatan yang digunakan oleh TGNA ialah:

i. Menggunakan bahasa yang mudah difahami

Menurut Abdullah & Salleh (2021), TGNA memulakan pentafsiran ayat al-Quran dengan menggunakan bahasa Melayu yang mudah, diselangi dengan dialek Kelantan dan gaya bahasa yang menarik supaya hadirin senang memahami penyampaiannya. Kadang-kadang TGNA sengaja memilih beberapa dialek atau ungkapan penduduk asal Kelantan untuk menjelaskan secara mudah beberapa maksud sebahagian ayat atau kalimah dalam al-Quran. TGNA tidak gemar menggunakan bahasa atau istilah yang sukar difahami oleh hadirin kerana hal itu boleh menyebabkan hadirin susah untuk menghayati apa yang diperkatakan beliau, malah dibimbangi boleh membawa kekeliruan atau tersilap memahami maksud sebenar yang ingin disampaikan. Menurut Abdullah, Samsudin dan Suliman (2021), penterjemahan amat penting agar maklumat disampaikan dengan tepat. Ayat-ayat al-Quran perlu diterjemahkan ke bahasa Melayu dengan sebaiknya agar difahami maklumat yang terkandung di dalamnya.

Perkara ini boleh dilihat ketika TGNA mentafsirkan *al-Raḥmān* dan *al-Raḥīm* pada *Basmalah*. Beliau menyatakan dari segi kebiasaan diterjemahkan *Basmalah* dengan maksud "Dengan nama Allah yang Amat Pemurah lagi Amat Kasihan Belas." Terjemahan ini tidak perlu terikat dengan nama ini sahaja, seharusnya boleh diletakkan nama Allah SWT dengan nama-nama lain yang lebih difahami oleh manusia dengan tujuan menimbulkan rasa sayang dan merapatkan hubungan manusia dengan Allah SWT (Yusof, 2019). Contoh yang dinyatakan oleh TGNA ialah (Yusof, 2019, 15):

"Dengan nama Allah; kita hendak bubuh nama dengan Daulat Allahkah? Kita hendak bubuh nama dengan Tuah, Keramat atau Kebesaran Allahkah? Boleh bubuh apa sahaja pun, dengan tujuannya, hendak menimbulkan rasa sayang manusia kepada Allah dan merapatkan manusia dengan Allah SWT."

TGNA turut menekankan bahawa terjemahan atau tafsiran al-Quran perlulah mengikut keadaan semasa. Ini bagi memastikan setiap manusia memahami maksud yang dikehendaki oleh Allah SWT. TGNA membawa contoh ayat pertama dari Surah *al-Masad* [111] dengan menyatakan (Yusof: 2019:15-18):

"Ayat ini turun dari langit untuk menyumpah Abu Lahab. Untuk menyumpah, kita masih lagi guna bahasa seratus tahun dulu. Iaitu perkataan; 'binasalah dua belah tangan Abu Lahab dan binasalah dia'. Perkataan 'binasalah' ini, orang kampung tidak guna. Walaupun bahasa Melayu, tetapi bahasa Melayu zaman seratus tahun dulu. Orang sudah tidak guna lagi lani (sekarang)... Ayat تَبَّتْ يَدَا أَبِي لَهَبٍ وَتَبَّ, kita berhentilah terjemah 'binasalah'. Dalam dialek Kelantan, kita bubuh makna begini; 'Mati dibunuhlah Abu Lahab'. Itu bahasa Kelantan. Apabila orang Kelantan menyumpah kepada orang; 'baso celako', 'mapuh baso jilat chok'. Begitulah orang Kelantan sebut. Jadi ayat تَبَّتْ يَدَا

وَتَبَّ *itu terjemahannya; "Baso jilat chok mati dibunuhlah Abu Lahab." Terjemahan begitu barulah jujuk molek (bermas) kepada pendengar."*

Begitu juga ketika mentafsirkan *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ*. TGNA mentafsirkan (Yusof, 2019):

"Segala puji bagi Allah. Puji dalam ayat ini, orang Kelantan panggil mujur. 'Allah mujurnya demo maghi' (Allah, nasib baik awak datang), 'Mujurlah kereta aku tidak terbalik', 'Allah, mujurlah kereta aku breknya makan', 'Mujurlah ada duit', 'Mujurlah anak-anak balik.'"

Dalam masa yang sama juga TGNA mengingatkan agar disertakan dengan mengucapkan 'Alhamdulillah' bagi membezakan antara amalan orang Melayu dengan mukmin dan Muslim. Ini bagi menyedarkan bahawa manusia ini serba kekurangan dan hanya bergantung harap dengan Allah SWT semata-mata. Bagi masyarakat luar dari Kelantan kemungkinan tidak menggunakan 'mujur' tetapi menggunakan kalimah seerti seperti 'nasib baik' atau 'beruntung'. TGNA turut mengingatkan supaya ungkapan tersebut disertai dengan 'Alhamdulillah' dan dijadikan amalan harian agar peribadi mukmin dapat dibentuk dalam diri (Yusof, 2019).

ii. Menggunakan contoh serta perumpamaan mudah

Menurut Abdullah & Salleh (2021), antara bahan penting dalam penyampaian kuliah tafsir TGNA ialah menggunakan contoh-contoh serta perumpamaan-perumpamaan mudah yang dapat dilihat dalam kehidupan sebenar. Perkara ini turut diberi perhatian khusus oleh penulis dan penyusun kitab ini dengan menyenaraikannya di bawah tajuk *Senarai Misalan, Kiasan dan Analogi*.

Hasil penelitian mendapati hampir setiap ayat dari Surah *al-Fātiḥah* ini TGNA telah memberikan perumpamaan dan analogi yang bersesuaian dengan ayat yang ditafsirkan. Sebagai contoh ayat pertama Surah *al-Fātiḥah*, ketika TGNA mentafsirkan kesan sifat *al-Raḥmān* yang dimiliki Allah SWT, dianalogikan dengan lelaki yang mempunyai dua orang isteri, salah seorang dari isterinya ada sifat *Raḥmān*, pemurah dan seorang lagi bersifat sebaliknya, pasti lelaki tadi lebih tertarik dengan isterinya yang bersifat pemurah. TGNA kemudiannya menerangkan sifat *Raḥmān* manusia ini tidak dapat mengatasi sifat *Raḥmān* Allah SWT kepada hamba-Nya (Yusof, 2019).

iii. Menyentuh isu-isu semasa

a. Masyarakat

Ketika TGNA mentafsirkan *al-Raḥmān* dan *al-Raḥīm* dari segi bahasa, beliau mengaitkan dengan bacaan ketika duduk di antara dua sujud (Yusof, 2019:23):

"Al-Raḥmān dan al-Raḥīm diambil daripada perkataan ro, ha, mim (رحم). Kedua-dua perkataan ini pecahan daripada perkataan asalnya Rahmat (رحمة). Perkataan Rahmat ini adalah perkataan Arab yang telah dimelayukan. 'Ya Allah ya Tuhanku, kumpullah rahmat daripada-Mu'. Rahmat ini kalau kita bubuh makna Melayu, orang panggil kasihan belas."

TGNA menasihatkan agar solat dalam keadaan memahami makna bacaan dan tidak tergesa-gesa gara-gara hendak menghabiskan bacaan dengan segera (Yusof, 2019:25-26):

"Jangan duduk congok sebut di mulut automatik keluar ر ب اغفر لي وارحمي واجبرني ; tetapi hati kita merata-rata di kedai kopi dan pejabat. Kalau Tuhan tidak makbul doa kita, memang betullah begitu. Kerana apa? Kerana kita sendiri tidak 'padu' kepada Tuhan. Sebut automatik macam kaset. Tekan butang terus berbunyi radio. Ia keluar sendiri begitu sahaja... Kalau kita memang banyak kerja, bacalah ر ب اغفر لي kemudian terus takbir Allahu Akbar. Baca سبحان ربّي الأعلى; kemudian terus takbir Allahu Akbar. Jangan baca cepat sangat. Ini bukan cara orang sembahyang. Kena faham molek (elok-elok) kedudukan kita."

6.3 Memahami Bacaan Doa

Pendekatan TGNA turut memberi teguran kepada individu yang tidak memahami bacaan doa ketika dalam solat. Perkara ini perlu diberi perhatian kerana solat terdiri dari rukun *qalbī* (hati), rukun *qawli* (ucapan dan rukun *fi'li* (perbuatan) (Yusof, 2019:25):

“Jangan duduk congok sebut di mulut automatik keluar, (رب اغفر لي وارحمني واجبرني); tetapi di hati kita merata-rata di kedai kopi dan pejabat. Kalau Tuhan tidak makbul doa kita, memang betul-betul begitu. Kerana apa? Kerana kita sendiri tidak ‘padu’ kepada Tuhan. Sebut automatik macam kaset, (رب اغفر لي وارحمني واجبرني), keluar sendiri sahaja. Sedangkan sembahyang ini kena ada Rukun *Qalbī* (Hati), Rukun *Qawli* (Ucapan dan Rukun *Fi’li* (Perbuatan). Jenis hati, kita kena guna hati sepenuhnya.”

Doa hendaklah lahir dari hati yang suci dan jauh dari kelalaian. Mereka yang berdoa perlulah sentiasa memastikan diri berada dalam keadaan khusyuk, tawaduk, merasa hina dan kerdil di hadapan Allah SWT. Itulah keadaan yang terbaik bagi seorang hamba apabila berhadapan dengan Tuhannya (Abdul Karim & Yahya, 2020). Apabila setiap bacaan doa difahami sepenuhnya, ini lebih membantu untuk mencapai khusyuk ketika solat (al-Ghazālī, 2011; Hamdi Rahman, Mazlah & Masthurhah 2013).

7. Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa bumi Malaysia ini tidak ketandusan tokoh-tokoh tafsir al-Quran yang berperanan memberikan kefahaman dan penjelasan tentang isi kandung al-Quran kepada masyarakat. Walaupun tidak sehebat Dr. Wahbah al-Zuhailī, Syeikh ‘Alī al-Sabūnī dan Syeikh al-Sha‘rāwī, namun peranan dan jasa TGNA dalam mentafsirkan al-Quran serta menyampaikannya kepada masyarakat tidak dapat dinafikan. Komitmen dan istiqamah beliau menyampaikan kuliah-kuliah tafsir al-Quran telah memberikan manfaat dan faedah yang amat besar kepada masyarakat Kelantan khususnya dan rakyat Malaysia umumnya. Ini dapat dilihat dengan terbitnya kitab-kitab tafsir yang dihasilkan daripada kuliah-kuliah tafsir beliau dan ia telah diterima baik oleh pelbagai pihak.

Sesuai dengan matlamat utama TGNA untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat tentang isi kandungan al-Quran, beliau telah menggunakan corak pentafsiran *al-Adab al-Ijtima’ī* dengan menggabungkan jalinkan metode *al-Tafsīr bi al-Ma’thūr* dan *al-Tafsīr bi al-Ra’y al-Mamdūh*. Penggunaan bahasa, contoh dan perumpamaan yang mudah difahami serta mengaitkan pentafsiran ayat-ayat al-Quran dengan isu-isu semasa mampu memberikan impak yang amat besar kepada pendengar kuliahnya dan pembaca kitab tafsir ini. Hasil penelitian terhadap Surah al-Fātiḥah yang ditafsirkan oleh TGNA mendapati bahawa isu utama yang diketengahkan oleh beliau dalam pendekatan berdoa ialah perlunya berdoa secara umum, niat dan matlamat doa yang jelas serta memahami setiap doa yang dilafazkan kerana ia akan membawa kepada khusyuk dan tawaduk.

Rujukan

- Abdul Karim, A. H., & Yahya, M. M. A. (2020). Doa valet: hukum dan perbahasan. *Jurnal Al-Haady*, 1(1), 4-17. Dicapai daripada <https://ejournal.kuipsas.edu.my/index.php/haady/article/view/43/32>.
- Abdullah, A. N., & Salleh, N. H. (2021). Keunikan tafsir Tuan Guru Hj Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat. *Jurnal Al-Basirah*, 11(1), 33-46. Dicapai daripada <https://mjir.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/30673/13121>.
- Abdullah, M. (2011). *Khazanah tafsir di Nusantara*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Abdullah, M. (2016). *Usūl al-tafsīr*. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, APIUM.
- Abdullah, N., Samsudin, S., & Suliman, N. F. (2021). Masalah semantik dalam terjemahan majāz mursal al-Quran: Analisis terhadap hubungan musabbab. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 508-522. <https://doi.org/10.53840/alirsyad.v6i1.145>.
- Abidū, H. Y. H. (1991). *Dirāsāt wa mabāhith fi tārikh al-tafsīr wa manāhij al-mufasssirīn*. Kaherah, Mesir: Markaz al-Kitāb li al-Nashr.
- Ahmad, H. I. (2017). *Tok Guru sebuah biografi awal*. Kota Bharu: Pemikiran Tok Guru Sdn. Bhd.
- al-Bayḍāwī, A. U. (1999). *Anwār al-tanzīl wa asrār al-ta’wīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Alcaff, M. A. Q. (2008). *Doa puncak penyesalan dan taubat*. Jakarta: Zahra.
- al-Dhabābī, M. H. (2012). *al-Tafsīr wa al-mufasssirīn*. Kaherah, Mesir: Dār al-Hadīth.
- al-Ghazālī, M. A. (2011). *Iḥyā’ ‘ulūm al-dīn*. Jil. 1. Jeddah, KSA: Dār al-Minhāj.

- al-Nasafī, A. A. (t.th.). *Madārik al-tanzīl wa ḥaqā'iq al-ta'wīl*. Damsyik: Dār al-Fikr.
- al-Qattān, M. (2004). *Mabāḥith fi 'ulūm al-Qur'ān*. Kaherah, Mesir: Maktabah Wahbah.
- al-Ṣalīḥ, S. (2011). *Membahas ilmu-ilmu al-Quran*. Jakarta: Pustaka Firdaus.
- al-Ṣiddīqī, T. M. H. (2010). *Ilmu-ilmu al-Quran*. Semarang: Pustaka Rizki Putra.
- al-Ṭabarī, M. I. J. (2001). *al-Jāmi' al-bayān 'an ta'wīl āyi al-Qur'ān*. Jil. 10. Kaherah, Mesir: Markaz al-Buḥūth Wa al-Dirasāt al-'Arabiyyah Wa al-Islāmiyyah.
- al-Zamakhsharī, M. U. (1995). *Tafsīr al-Kashshāf 'an ḥaqā'iq al-ghawāmiḍ al-tanzīl wa 'uyūn al-aqāwīl fi wujūh al-ta'wīl*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Baharom, N. et al. (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ḍayf, S., 'Aṭīyyah, S. A. A., Ḥusīn, A. H., & Ḥilmī, J. M. (2004). *al-Mu'jam al-Wasīṭ*. Kaherah, Mesir: Maktabah al-Shūrūq al-Dawliyyat.
- Hamdi Rahman, M. Y., Mazlah, Y. & Masturhah, I. (2013) Model penghayatan solat berasaskan kaedah tafakur. *Global Journal Al-Thaqafah*, 3(2), 65-78. <https://doi.org/10.7187/GJAT442013.03.02>.
- Jāsir, M. (2008). *Kayfa yakūnū al-du'ā' mustajāban*. Kuwait: Ghuras li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Junaid, J., & Nurfiqra, E. (2021). Kolaborasi antara Muhammad Abdul dan Muhammad Rasyīd Riḍā dalam menciptakan kitab tafsir bernuansa adab al-ijtimai. *Al-Wajid: Jurnal Ilmu Al-Quran Dan Tafsir*, 2(2), 449-467. Dicapai daripada <https://jurnal.iain-bone.ac.id/index.php/alwajid/article/view/2281>.
- Muhajarah, K. (2016). Konsep doa: Studi komparasi konsep doa menurut M. Quraish Shihab dan Yunan Nasution dan relevansinya dengan tujuan pendidikan Islam. *Hikmatuna: Journal for Integrative Islamic Studies*, 2(2), 211-233. Dicapai daripada <https://e-journal.iainpekalongan.ac.id/index.php/hikmatuna/article/view/960/1111>.
- Muṣṭafā, S. (1999). *Al-Tafsīr bi al-ma'thūr: Ahammiyatuh wa ḍawābituh*. Kaherah, Mesir: Dār al-Nasr al-Jami'āt.
- Ramli, N. (2015). Biografi Allahyarham Tuan Guru Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: Ulama tulen dan pemimpin ulung di nusantara. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2015* (pp.833-849). Bangi: Pusat Pengajian Teras KUIS.
- Ramlic, S. W. A., Ismail, D. N. I., Rosli, N. S. A., Abidin, S. S., Abdul Kadir, M. N., & Mohd, N. S. (2022). Analisis metode penulisan dan pentafsiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz dalam Kitab Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz Nik Mat: Surah Al-Fātiḥah. *Prosiding Webinar Antarabangsa Tafsir Dan Hadis Nusantara 2.0* (pp. 8-17). Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Riḍā, M. R. (t.th.). *Tafsīr al-Qur'ān al-Hakīm (Tafsīr al-Manār)*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Ṣalāh, A. Q. M. (2003). *Al-Tafsīr wa al-mufasssīrūn fi al-'asr al-hadīth*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Salleh, M. A. (2011). *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*. Batu Caves, Selangor: Publishing House.
- Shamsul Kamar, M. Z., Mohamad, M. R. & Nizam, N. N. A. (2019). Peranan Tuan Guru Dato' Bentara Setia Haji Nik Abdul Aziz dalam perkembangan Islam. *Prosiding Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara ke-3 2019*. Shah Alam, Selangor: Pusat Pengajian Teras KUIS. Dicapai daripada http://conference.kuis.edu.my/pantumn/images/eprosiding/013-PANTUMM2019_mohdzaid.pdf.
- Shihab, M. Q. (2007). *Membumikan al-Quran*. Bandung: PT. Mizan Pustaka.
- Sulaiman, J. M. L. (1999). *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz*. Selangor: Percetakan Selaseh Sdn. Bhd.
- Syukur, A. (2015). Mengenal corak tafsir al-Qur'an. *El-Furqania: Jurnal Ushuluddin Dan Ilmu-Ilmu Keislaman*, 1(1), 83-104. <https://doi.org/10.54625/elfurqania.v1i01.877>.
- Yusof, A. S. (2019). *Tafsir Al-Quran Nik Abdul Aziz: Surah Al-Fātiḥah*. Petaling Jaya: Pertubuhan Alim Rabbani.
- Zakaria, A. F. (2017). *Pengantar pengajian ilmu al-Quran*. Selangor: Darul Syakir Enterprise.